

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**23 NOVEMBER 2021**

---

**1. PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2022 & MENANG  
WANG TUNAI” BAGI BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 1/2022**

Promosi “**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2022 & MENANG WANG TUNAI**” bagi Bil Cukai Taksiran Penggal 1/2022 bermula pada 1 Disember 2021 dan tamat pada 28 Februari 2022. Promosi ini diadakan sebagai insentif dan galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (online), melalui agensi kutipan yang dilantik serta kiosk. Syarat-syarat penyertaan bagi promosi kali ini adalah seperti berikut:-

- a. Cukai taksiran tahun 2022 hendaklah dijelaskan sepenuhnya berserta tunggakan jika ada melalui **saluran dalam talian (online), kiosk atau agensi kutipan yang dilantik sahaja.**
- b. **TIDAK LAYAK** bagi pembayaran di kaunter bayaran MBSP termasuk kaunter cawangan.
- c. Pembayaran perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu mulai 1 Disember 2021 hingga 28 Februari 2022.

**Empat puluh (40)** hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan adalah seperti berikut :

<b>KedudukanHadiah</b>	<b>JenisHadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM10,000
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 6	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 8	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 9	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke- 10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada bulan Mac 2022 nanti.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian **04-5497470/ 471/ 697/ 696** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

Berikut adalah senarai saluran pembayaran yang telah disediakan:-

1. Laman web MBSP: ***<https://mbsppay.mbsp.gov.my>*** (melalui **MBSPPay**)
2. Laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang:  
<https://ebayar.penang.gov.my>
3. PBTPay KPKT iaitu ***<https://pbtpay.kpkt.gov.my>***
4. Perbankan Internet (14 saluran):

1. Bank Islam	6. RHB Bank	11. Agro Bank
2. Maybank	7. BSN	12. HSBC
3. Alliance Bank	8. Affin Bank	13. MBF Cards (Ambank)
4. Ambank	9. Public Bank	14. Jompay (5322)
5. CIMB Bank	10. Bank Muamalat	

5. Kiosk Payquik (PayLink Global) Seluruh Malaysia
6. Aplikasi BOOST
7. Semua kaunter kedai 7 Eleven seluruh Malaysia
8. Senarai agensi kutipan kaunter yang sah dilantik MBSP seperti berikut :-
  - i. Kaunter Majlis Bandaraya Pulau Pinang
  - ii. Kaunter Bank Rakyat
  - iii. Kaunter Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
  - iv. Kaunter Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)

## 2. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2022

Sukacita dimaklumkan bahawa pemilik premis yang telah mengemaskini maklumat e-mel dan nombor telefon bimbit akan mula menerima CyberBill cukai taksiran bil penggal pertama tahun 2022 melalui sms dan e-mel di antara **29 November 2021 hingga 3**

**Disember 2021**. Manakala bagi yang belum mendaftar CyberBill, akan menerima bil fizikal secara berperingkat mulai **29 November**

**2021**. Pembayaran cukai taksiran perlu dijelaskan sebelum atau selewat-lewatnya pada **28 Februari 2022**. Adalah dinasihatkan

kepada pemilik yang belum mengemaskini maklumat nombor telefon dan e-mel, sila berbuat demikian dengan kadar segera

memandangkan tiada lagi bil cetakan yang akan dikeluarkan pada penghantaran bil cukai taksiran mulai tahun 2022 secara

berperingkat.

Bagi mengekang penularan wabak Covid19, MBSP menggalakkan supaya pemilik premis menyemak atau membuat bayaran secara atas talian melalui kaedah-kaedah yang telah disediakan seperti berikut:

1. Semak & bayar melalui laman web MBSP iaitu <https://www.mbsp.gov.my> (Menu Perkhidmatan Dalam Talian)
2. Terus ke Payment Gateway MBSP iaitu <https://mbsppay.mbsp.gov.my>

3. Portal e bayar Penang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>
4. Portal PBTPay KPKT iaitu <https://pbtpay.kpkt.gov.my>
5. Perbankan internet seperti Maybank2u, CIMB Clicks dan sebagainya.
6. JomPay dengan menggunakan Biller Code: 5322
7. Aplikasi Boost

Pembayaran juga boleh dibuat di Kiosk Paylink dan semua kaunter kedai 7 Eleven seluruh Malaysia serta agen-agen sah yang telah dilantik MBSP.

Untuk tatacara lengkap kaedah pembayaran cukai taksiran, sila ikuti tiga (3) langkah berikut:-

1. Layari laman web MBSP <https://www.mbsp.gov.my> dan pilih **Cyber Counter**
2. Pilih **Cukai Taksiran** dan kemudian klik **SOP** di menu **Bayaran Cukai Taksiran MBSP Dan Cukai Tanah MBSP**
3. **Infografik kaedah pembayaran akan dipaparkan.**

Sila hubungi helpdesk cukai taksiran di talian 04-5497470 / 471 / 696 / 697 untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran cyberbill serta pertanyaan bil cukai taksiran anda atau emel di [waran@mbps.gov.my](mailto:waran@mbps.gov.my)

### **3. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19**

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19. Kita telah berada di dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 8 November 2021. Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**